



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **firma perunding tempatan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) untuk mengambil bahagian dalam pelawaan berikut :-

NO RUJUKAN	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP (12:00 TGH)	SYARAT UTAMA PELAWAAN
KP/DPS/S/600-26/1/2 (17)	Kajian <i>Blueprint</i> Sekuriti Makanan Negara	1) 340103 : Kajian Ekonomi; 2) 340104 : Kajian Sosio-Ekonomi; atau 3) 340502 : Kajian Pertanian	30 September 2022 (Jumaat)	1 Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang yang ditetapkan; dan  2 Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah.

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat Lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapati daripada kaunter/pejabat Agensi di **Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Aras 14, Blok 4G1, Wisma Tani, Presint 4, 62624 Putrajaya** bermula **22 Ogos 2022 sehingga 30 September 2022**. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar **RM50.00** bagi setiap satu (1) set bermula 29 Ogos 2022 selepas taklimat tender. Bayaran bagi dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk bank draf atau wang pos sahaja.

Petender yang berminat **wajib menghadiri taklimat tender** yang akan diadakan pada **29 Ogos 2022 (Isnin) jam 3.00 petang** bertempat di **Bilik Mesyuarat Mawar, Aras 14, Blok 4G1, Wisma Tani, Presint 4, 62624 Putrajaya**. Hanya Penama dalam Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat dan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan boleh menghadiri taklimat dan membawa bersama sijil asal Akaan Pendaftaran Syarikat dan Pendaftaran Kementerian Kewangan berserta salinan (tidak dikembalikan).

Tempat serahan dokumen adalah di **Bahagian Kewangan, Kaunter Aras 5, Menara 4G1, Wisma Tani, Presint 4, 62624 Putrajaya**.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos di sebelah kiri atas setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada **Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**. Kedua-dua sampul "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" berserta Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Pelawaan Terbuka seperti alamat di atas **tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 30 September 2022**. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos **yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan**.